



MENTERI KANAN KERJA RAYA
MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

SEMUA OPERASI DALAM SEKTOR PEMBINAAN DIBENARKAN TANPA SURAT KEBENARAN CIMS MITI

Semua operasi di dalam sektor pembinaan tidak lagi memerlukan surat kebenaran melalui *COVID-19 Intelligent Management System (CIMS)* 3.0. Ini susulan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berhubung kebenaran merentas negeri di seluruh negara bagi mereka yang telah menerima vaksinasi lengkap.

Walaupun bagaimanapun, operasi di dalam sektor pembinaan masih tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) Pelan Pemulihan Negara (PPN) semasa. Bagi memastikan wabak COVID-19 dapat dibendung di tapak pembinaan, semua penggiat industri diingatkan supaya mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Malaysia (MKN).

Semua pekerja hendaklah dipastikan bebas daripada COVID-19 sebelum dibenarkan bekerja di tapak bina. Majikan perlu memastikan semua pekerja mengimbas *My Sejahtera* atau mengisi buku kehadiran sebelum memulakan kerja setiap hari. Seandainya mana-mana pekerja di dapati mempunyai gejala COVID-19, mereka perlu menjalani ujian saringan COVID-19. Sekiranya terdapat kes positif COVID-19 di tapak bina, majikan perlulah melaporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).

Selain mematuhi SOP MKN, penggiat industri juga perlu terus memastikan semua peruntukan Akta 520 termasuk Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) dan Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990) adalah dipatuhi setiap masa.

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA
13 OKTOBER 2021

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

www.kkr.gov.my pro@kkr.gov.my [KEMENTERIAN KERJA RAYA](https://www.facebook.com/kementerian.kerja.raya) [KKR_MALAYSIA](https://www.instagram.com/kkr_malaysia) [@MOWORKS](https://www.linkedin.com/company/moworks) [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](https://www.youtube.com/channel/UCMOWORKS)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur